

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 3 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 14**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L09625  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah status liputan internet di kawasan luar bandar yang masih lemah sedangkan talian komunikasi tersebut amat diperlukan ketika negara berhadapan dengan wabak COVID-19.
  
2. PR-1432-L09817  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan dari sudut sumber manusia, sumber teknologi dan automasi (*automation*) bagi Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010) dan Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) memandangkan pengeluaran makanan harus dipertingkatkan bagi memastikan jaminan keselamatan makanan menjelang tahun 2050 tercapai.
  
3. PR-1432-L09441  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan situasi semasa serta tindakan konklusif Kementerian dalam menangani kes kematian kanak-kanak akibat tertinggal di dalam kereta oleh ibu bapa mahupun penjaga.

4. PR-1432-L10058  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berhubungkait dengan, bilakah Kementerian hendak membentangkan rang undang-undang berhubung kait dengan kes pemandu memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian, apakah Kerajaan akan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah-pesalah tersebut dan bagaimana Kerajaan hendak memastikan pemandu tidak memandu dalam keadaan mabuk.
5. PR-1432-L08976  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan pembangunan pertanian khususnya untuk estet atau jelapang padi di Batang Lupar secara moden, komersial dan skala besar.
6. PR-1432-L08817  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha untuk memperbanyakkan jurubahasa isyarat yang boleh berkhidmat untuk golongan OKU pekak.
7. PR-1432-L09433  
**Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tentang status permohonan perkhidmatan talian telefon untuk kampung/rumah panjang seperti Kampong Long Apu, Long Spigen, Long Palai dan lain-lain di kawasan Parlimen Baram.
8. PR-1432-L09793  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah murid berkeperluan khas, jumlah guru pendidikan khas dan rancangan untuk menambah bilangan guru pendidikan khas.
9. PR-1432-L09715  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana usaha yang telah diambil bagi mengekang sebarang aktiviti laman sosial yang mempromosikan kelakuan songsang LGBT dan budaya pornografi.
10. PR-1432-L09151  
**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pembayaran balik GST (*refund*) yang tertangguh telah selesai. Sekiranya tidak, apakah kekangan yang wujud melambatkan proses ini.

11. PR-1432-L09775  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan satu kajian telah dibuat secara terperinci bahawa tidak sesuai dan efektif untuk mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Adakah pihak Kementerian akan sekali lagi membuat kajian yang sama bila ura-ura untuk melaksanakan semula pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.
  
12. PR-1432-L09394  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang cadangan penubuhan cawangan sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam berteraskan pertanian, penternakan dan perikanan di Parlimen Jerlun.
  
13. PR-1432-L09729  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perubahan yang akan berlaku terhadap jajaran baru ECRL seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan terdahulu.
  
14. PR-1432-L09027  
**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pakej pemulihan dan rangsangan ekonomi akibat COVID-19 terhadapimbangan dagangan, eksport negara, defisit fiskal, inflasi dan kehilangan pekerjaan.
  
15. PR-1432-L08759  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menyesuaikan jadual persekolahan supaya sesi persekolahan murid boleh berjalan lancar dan apakah usaha yang dilaksanakan bagi menangani masalah keciciran waktu belajar akibat wabak COVID-19.
  
16. PR-1432-L09514  
**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan PN akan merancang untuk memperkenalkan pembayaran berdasarkan pendapatan (*income contingent repayments*) untuk pinjaman PTPTN setelah berakhirnya moratorium pembayaran pinjaman pada bulan September 2020. Apakah kos kewangan kepada Kerajaan akibat moratorium pembayaran pinjaman PTPTN selama 6 bulan ini.

17. PR-1432-L09697  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menguatkuasakan hukuman mati dan denda terhadap pemandu mabuk yang menyebabkan kematian serta pesalah juga hendaklah membayar 'bayaran khas' kepada keluarga mangsa.
18. PR-1432-L08883  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk menjelaskan prinsip-prinsip asas yang diperjuangkan oleh Kementerian dalam merangka perundangan menentang diskriminasi gender dan bagaimanakah kerangka perundangan baru ini boleh menjadi lebih berkesan berbanding dengan proses mahkamah.
19. PR-1432-L09649  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan kanak-kanak pemohon suaka dan pelarian Rohingya serta dari negara lain turut mendapat akses kepada sistem pendidikan yang berkualiti dan konsisten.
20. PR-1432-L09980  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan pakej-pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan ketika menghadapi pandemik COVID-19 dan status terkini pakej-pakej rangsangan tersebut.
21. PR-1432-L09384  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan senarai insentif, rangsangan dan bantuan khas untuk petani, penternak dan nelayan dalam fasa pemulihan COVID-19.
22. PR-1432-L09268  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah lesen pengeksport durian sejuk beku khususnya jenama "Musang King" dan adakah cadangan meluluskan lebih banyak bilangan lesen pengeksport untuk mengelakkan sesetengah pihak bermonopoli pasaran ini.

23. PR-1432-L09606

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) perancangan Kementerian membuka semula sekolah secara berselang seminggu sebagaimana di Singapura, memandangkan kecenderungan kanak-kanak menyebarkan COVID-19 adalah kurang berbanding dewasa; dan
- (b) perancangan memperkemas sistem pengajaran dalam talian apabila menurut laporan Kementerian seramai 40% pelajar Malaysia tidak memiliki alat elektronik.

24. PR-1432-L09103

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apa rancangan Kementerian untuk melindungi dan mengurus Kompleks Hutan Ulu Muda. Dalam usaha melindungi kepelbagaian biologi dan khazanah hutan Malaysia, pihak berkuasa persekutuan dan negeri mesti bekerjasama serta berganding bahu. Mengapa pihak berkuasa persekutuan melengah-lengahkan usaha Pemindahan Fiskal Ekologi (*Ecological Fiscal Transfer*) kepada pihak berkuasa negeri yang sedang giat melakukan program memulihara dan memelihara sumber alam semula jadinya.

25. PR-1432-L09760

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk memberi penjelasan berkenaan pelantikan anggota Parlimen Parit, Mohd Nizar Zakaria sebagai pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang baru.

26. PR-1432-L09079

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua bon Kerajaan yang diterbitkan dan jumlah aset Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan yang telah dijual sejak 1 Mac 2020 hingga kini.

27. PR-1432-L09369

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan Program Sarapan Percuma untuk murid-murid sekolah termasuk jumlah murid dan sekolah yang mendapat faedah daripada program ini dan bilakah program ini akan diperluaskan secara menyeluruh.

28. PR-1432-L09473  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ringkasan Belanjawan 2020 yang diunjur semula merangkumi Pendapatan, Belanja Operasi, Belanja Pembangunan, Lebihan/Defisit Keseluruhan, KDNK (nominal), dan Peratusan Defisit Keseluruhan, berikutan wabak COVID-19 dan pakej rangsangan serta perbandingannya dengan Belanjawan 2020 asal yang telah diluluskan.
29. PR-1432-L08813  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan mengapa konsesi syarikat penghasilan benih padi subsidi dipanjangkan sedangkan tender baru telah dibuka dan adakah syarikat baru dibenarkan masuk tender ataupun semestinya kuota tertentu wajib diberi kepada GLC.
30. PR-1432-L08760  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian ingin membantu golongan graduan untuk terlibat dalam pertanian moden seperti tanaman fertigasi, nanoteknologi dan kaedah moden yang lain seperti hidroponik. Dengan cara ini, sekali gus membantu golongan pelajar mendapatkan pendapatan dan membekalkan bekalan makanan kepada masyarakat setempat.
31. PR-1432-L09500  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk menggalakkan perniagaan dan pelajaran digital untuk seluruh negara khususnya selepas wabak COVID-19 di kawasan dalam dan luar bandar.
32. PR-1432-L08876  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha dan dasar Kerajaan untuk menjamin keselamatan makanan sepanjang pandemik COVID-19.
33. PR-1432-L09034  
**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah Kementerian menjelang tamatnya monopoli import beras yang kini dikuasai BERNAS.

34. PR-1432-L09302

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) apakah justifikasi, kriteria dan faktor dalam pengagihan spektrum 5G kepada 5 syarikat sepertimana yang diarahkan oleh Menteri pada 15 Mei 2020; dan
- (b) mengapakah arahan itu ditarik balik dan dibatalkan pada 3 Jun 2020.

35. PR-1432-L08904

**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran bantuan bakul makanan JKM semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk mekanisme pelantikan pembekal, amaun kontrak, senarai barangan dan sebab bakul makanan yang dijanjikan tidak sampai kepada Ahli Parlimen kawasan pembangkang serta senarai penyelaras yang telah mengedarkan bakul makanan.

36. PR-1432-L09577

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status bagi program Sarapan Percuma (PSP) 2020 untuk Sekolah Rendah bagi sesi 2020 ini memandangkan sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB dan PKPP tiada sesi persekolahan dijalankan. Nyatakan langkah pihak Kementerian yang telah diambil dalam membantu pelajar-pelajar di luar bandar sepanjang tempoh PKP kerana dimaklumkan bahawa tugas sekolah anak-anak ini diberi melalui digital (*Whatsapp, Telegram*) dan perlu menggunakan internet. Bagaimana dengan nasib anak-anak yang tiada kemudahan peranti mudah alih serta kemudahan internet sehingga menyebabkan mereka keciciran berbanding rakan-rakan mereka di bandar.

37. PR-1432-L09109

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kos keseluruhan LRT3 serta status pembinaan kini, masa projek dijangka siap dan anggaran pelanggan yang akan menggunakan perkhidmatan ini.

38. PR-1432-L09123

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah dan inisiatif Kementerian dalam memastikan rakyat berhak mendapat maklumat dan berita yang tidak berat sebelah dengan kebebasan media.

39. PR-1432-L08825  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek bina baru bangunan sekolah dan penempatan semula pelajar-pelajar SK St. Theresa, Serian.
40. PR-1432-L09377  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang cadangan membina eskalator di stesen KTM Batu Gajah. Apakah cadangan untuk menaik taraf dan menambah baik kemudahan-kemudahan lain termasuk sistem parkir yang menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan pelanggan stesen tersebut.
41. PR-1432-L09885  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan mengapa berlaku peningkatan drastik terhadap cas penggunaan elektrik sepanjang tempoh PKP dan mengapa tidak dibuka satu ruangan untuk dimuat naik imej bacaan meter elektrik melalui aplikasi myTNB bagi mengatasi masalah tiada pekerja dibenarkan bekerja di lapangan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.
42. PR-1432-L09573  
**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan kerajaan untuk memulihkan sektor pelancongan secara terperinci dan berikan bagaimanakah pakej penjana RM1 bilion dapat membantu sektor pelancongan termasuk pengusaha inap desa (*homestay*) dan para artisan (seperti pengusaha kraf). Serta nyatakan juga apakah strategi Kementerian dalam membangunkan semula pelancongan domestik tanpa bergantung harap kepada kepada pelancong dari negara luar.
43. PR-1432-L09961  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai kriteria khusus kelulusan pendidikan dalam menentukan pemilihan juruhebah radio swasta memandangkan mutu penyampaian segelintir mereka yang tidak membawa kepada pembinaan minda yang positif dan terpelajar.
44. PR-1432-L09757  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-  
(a) berapa banyak dan kepada siapa wang dibayar di bawah projek ECRL sebelum penangguhannya selepas PRU14; dan

- (b) berapa banyak dan kepada siapa wang dibayar setelah ECRL disemak dan dilancarkan semula.

45. PR-1432-L09383

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang status bebas cukai Pulau Pangkor. Apakah rancangan masa hadapan. Adakah status bebas cukai Pulau Pangkor diselaraskan dengan Pulau Langkawi dari segi harga dan jenis barangan yang disenaraikan.

46. PR-1432-L09476

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kementerian berhubung program i-Suri yang dilancarkan pada Ogos 2019, dan bilakah fasa kedua – sumbangan Kerajaan RM10 sebulan melalui caruman PERKESO kepada yang layak – dan fasa ketiga – sumbangan sukarela suami sebanyak 2% gaji ke akaun KWSP isteri – akan dilancarkan.

47. PR-1432-L08887

**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah pemohon dari kaum Dayak yang berjaya memasuki Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak pada tahun ini ;  
dan
- (b) bagaimanakah merit justifikasi yang didasarkan dalam pemilihan guru pelatih.

48. PR-1432-L09787

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status bantuan bayaran utiliti tambahan yang juga merangkumi pembentungan sebanyak RM12 juta kepada sekolah bantuan Kerajaan.

49. PR-1432-L09546

**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini pencapaian Jawatankuasa Kabinet Pemeraksanaan TVET dan adakah Kementerian ini akan diberi kepercayaan menerajui usaha bersepadu rentas Kementerian.

50. PR-1432-L09535  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan usaha yang pihak Kementerian Pendidikan telah dan bakal laksanakan dalam menjayakan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera dalam sektor pendidikan khususnya dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama yang diperkenalkan oleh Kerajaan sebelum ini.
51. PR-1432-L08810  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menjelaskan apakah langkah-langkah pelaburan strategik yang telah diambil oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memastikan setiap tahun KWSP boleh memberi dividen yang tinggi melebihi 6% kepada para pencarum yang terdiri daripada kaum pekerja.
52. PR-1432-L09607  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pekerja sepenuh masa yang berkerja sebagai penghantar kurier atau makanan dengan motosikal persendirian melalui platform digital (Grab, Food Panda dan sebagainya) dan apakah dasar Kementerian mengawal selia industri baru ini agar keselamatan dan hak golongan pekerja tersebut dilindung dengan baik.
53. PR-1432-L09986  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah serius yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu banyak keluarga yang terkesan teruk apabila ramai kehilangan pekerjaan akibat krisis ekonomi disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini.
54. PR-1432-L09121  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan sebanyak mungkin PKS yang terlibat dengan inisiatif pendigitalan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
55. PR-1432-L09489  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan berhasrat untuk membuka kembali pendaftaran Geran Khas Prihatin (GKP) bagi memberi peluang kedua kepada peniaga yang tercicir dari menerima bantuan ini.

56. PR-1432-L09502  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan dan rancangan Kerajaan untuk membantu perniagaan kecil dan sederhana untuk menggunakan teknologi digital untuk menjayakan perniagaan mereka. Senaraikan bantuan kewangan atau sampingan yang telah pun disediakan oleh Kerajaan untuk menjayakan inisiatif-inisiatif ini.
57. PR-1432-L08838  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menyelesaikan kes-kes nelayan yang ditangkap oleh Jabatan Perikanan dan kes-kes yang ditangkap oleh Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia supaya nelayan-nelayan tersebut mendapat layanan yang sama di bawah undang-undang sungguhpun mereka ditangkap oleh agensi Kerajaan yang berlainan.
58. PR-1432-L09930  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan laporan polis dan bilangan laporan kepada Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi yang telah dibuat setakat ini mengikut pecahan berita palsu, berita fitnah, gambar/perkongsian yang berbaur lucah/seksual/rasis, '*hate speech*'/'*cyber bullying*' dan apakah status laporan tersebut dari segi dakwaan, sabitan bersalah dan tidak bersalah.
59. PR-1432-L09167  
**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah rasional melantik Ahli-ahli Parlimen Kerajaan untuk mengepalai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) ; dan
  - (b) senaraikan nama-nama mereka yang dilantik, di mana dan berapa elaun bulanan yang mereka terima.
60. PR-1432-L09217  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai GLC dan GLIC di mana lantikan politik telah dibuat sejak 2 Mac 2020 dan bagaimana lantikan ini akan membantu keberkesanan dan profesionalisme badan-badan ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (29 Julai ,2020)**

2. ( D.R. 1/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. ( D.R 2/2020 ) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**  
(Penguntungan Semula Peruntukan **Yang Kedua**  
Perbelanjaan) 2020

[ Menteri Kewangan ]

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amau yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntungan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. ( DR.3/2020 ) Rang Undang-Undang Pengangkutan **Bacaan Kali Yang Kedua**  
Jalan (Pindaan) 2020  
**[ Menteri Pengangkutan ]**
5. ( D.R 37/2019 ) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019  
**[ Menteri Kesihatan ]**
6. ( D.R 42/2019 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019  
**[ Perdana Menteri ]**
7. ( D.R. 25/2019 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019  
**[ Perdana Menteri ]**

8. PR-1432-UL064  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

9. PR-1432-U(27)116  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1432-U(27)114  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

11. PR-1432-U(27)115  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

12. PR-1432-U(27)119  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

13. PR-1432-U(27)120  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

14. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

15. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

18. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

19. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

20. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

21. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

22. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

23. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

24. PR-1432-U(27)129

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

25. PR-1432-U(27)132

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

**[ Perdana Menteri ]**

26. PR-1432-U(27)131

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

27. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2020</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 1	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Yang Keempat Belas Menurut Peraturan Mesyuarat 76(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	3 Ogos 2020

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 03.08.2020 (Isnin)	1. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	1. Cadangan Deklasifikasi Laporan Double Six	1. YB Menteri Pengangkutan
2. 03.08.2020 (Isnin)	2. YB Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)	2. Masalah Penempatan Perumahan Sementara Di Atas Tanah Rizab Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB)	2. YB Menteri Pengangkutan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**